

ثجابة ڤيقاره تانه دان گاليين ترغڪانو.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,  
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706      Fax. : 09-6229887  
3100 – 3115



**PTG.TR. G/05/1998/06/04 - ( 14 )**

**22 Rejab 1426.  
28 Ogos 2005.**

Pentadbir Tanah  
**Kuala Terengganu.**

Pentadbir Tanah  
**Kemaman.**

Pentadbir Tanah  
**Dungun.**

Pentadbir Tanah  
**Besut.**

Pentadbir Tanah  
**Hulu Terengganu.**

Pentadbir Tanah  
**Marang.**

Pentadbir Tanah  
**Setiu.**

Y.Bhg. Dato'/Tuan,

**Arahan Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bil. 2/2005**

**Penangguhan Para 1 (1) (h) Berkait Bayaran  
Pemindahaan Bahan Batuan 'Granite' (Berketul) - Arahan  
Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bil. 02/2004**

**1. TUJUAN:**

Arahan ini dikeluarkan bagi memaklumkan kadar bayaran pemindahaan bahan batuan 'granite' (berketul) sebagaimana para 1 (1) (b) Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 02/2004 bertarikh 8 April 2004 ditangguhkan dahulu pemakaian kuatkuasanya.

**2. LATAR BELAKANG:**

- 2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menimbang kertas mesyuarat Bil. 206/2005 bertarikh 23 Mac 2005 berkait penangguhan ke atas Peraturan 18, 19, 20 dan 21 Peraturan Tanah Terengganu sebagaimana Warta Tr. PU 1 Jil. 56 Bil. 1 bertarikh 2 Januari 2003. dan bersetuju:-
- (i) Warta Tr. P.U. 1 Jld. 56 bertarikh 2 Januari 2003 ditangguhkan dahulu pemakaianya dan seterusnya diwartakan penangguhan ini.
- (ii) Dengan penangguhan ini maka kadar-kadar bayaran bagi peraturan-peraturan tersebut hendaklah menggunakan kadar lama yang digunakan sebelum ini. (Peraturan-peraturan Tanah Terengganu 1966 (Pindaan 1987)).

**3. PENANGGUHAN KUATKUASA:**

- 3.1. Penangguhan kuatkuasa Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 02/2004 bertarikh 8 April 2004 hanya melibatkan para 1 (1) (b) berkait kadar bayaran pemindahan bahan batuan 'granite' (berketul) sahaja dan hendaklah menggunakan kadar lama yang digunakan sebelum ini (Peraturan-peraturan Tanah Terengganu 1966 (Pindaan 1987) dan Warta Kerajaan Tr. P.U. 5 Jil. 44 Bil. 6 bertarikh 14 Mac 1991)).
- 3.2. Manakala pemakaian perkara lain dalam Arahan Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bil. 02/2004 adalah masih lagi berkuatkuasa dan tidak berubah.

Sekian, terima kasih.

***"ISLAM HADHARI TERENGGANU BESTARI "***

***"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "***

Saya yang menurut perintah,



***( DATO' HAJI MOHD MUKHTAR BIN ISMAIL )***

Pengarah Tanah dan Galian  
Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Terengganu.

Semua Timbalan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

Semua Penolong Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

Pegawai Sistem Maklumat.

Semua Pegawai Eksekutif.

Penolong Pegawai Tanah NT 22

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

Ketua Pembantu Tadbir (Pelupusan)

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

Pembantu Tadbir (Kuatkuasa)

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

Fail PTG.TR. 00/74/2002/0006.

Fail Timbul.